

HIJRAH WANITA

FIQH NISA' SIRI 4/2020

OLEH: USTAZAH ISFADIAH BINTI MOHD. DASUKI | 27 OGOS 2020 (KHAMIS) | 9.00
PAGI

Susunan semula oleh:

Nur Atiqah binti Md Jaman

Pelajar Skim Pusat Islam UPSI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

Muslimat dan muslimin yang dikasihi Allah SWT dan yang dirindui oleh Rasulullah SAW sekalian, petikan pendek daripada **hadis Rasulullah SAW**, “*Siapa yang mengharungi satu jalan untuk menuntut ilmu, Allah SWT akan permudahkan jalan ke syurga-Nya.*” Mudah-mudahan usaha menuntut ilmu pada hari ini menjadi penunjuk jalan menuju ke syurga Allah SWT.

Tajuk kuliah hari ini adalah tentang **Hijrah Wanita**. Hijrah ini merupakan misi yang sangat besar pada zaman Rasulullah SAW. Baginda SAW memiliki sifat kepimpinan yang baik. Sebagai contoh, Rasulullah SAW akan memastikan kesemua para sahabat berada dalam keadaan selamat terlebih dahulu. Namun, pada zaman kini, pemimpin yang bersifat sebegitu sangat terhad manakala yang bersikap seperti pengurus terlalu ramai.

Perbezaan antara pemimpin dan pengurus adalah yang pertama, seorang pemimpin mempunyai kepekaan yang tinggi manakala seorang pengurus bersifat menurut arahan dan perintah. Sifat pemimpin yang kedua pula adalah bersedia untuk berkorban. Dan sifat yang ketiga pula adalah seorang pemimpin perlu mempunyai matlamat dan hala tuju jangka panjang manakala pengurus yang akan melaksanakan matlamat berkenaan. Pernyataan ini merujuk kepada suami perlu bersifat pemimpin manakala isteri pula sebagai pengurus. Hal ini kerana, pembentukan seorang isteri adalah berdasarkan acuan daripada suaminya.

Selepas pembukaan Kota Mekah (bebas jahiliah), Baginda SAW mengatakan “*Tiada hijrah selepas pembukaan Kota Mekah.*” Hal yang dimaksudkan ini adalah mengenai baiah yang ditandatangani oleh Rasulullah SAW, antaranya, masyarakat Madinah yang pergi ke Mekah, tidak boleh pulang ke Madinah. Perkara ini merupakan satu kelebihan buat Rasulullah SAW dan pengikut baginda SAW yang berasal dari Madinah untuk menyebarkan dakwah Islam di Kota Mekah pada waktu

itu. Oleh itu, jumlah orang Islam pada ketika itu semakin meningkat. Sambungan hadis di atas, **Rasulullah SAW bersabda [Riwayat Al-Bukhari dan Muslim],**

لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ، وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ، وَإِذَا اسْتَنْفَرْتُمْ فَانْفِرُوا

Maksudnya: Tiada hijrah selepas al-Fath (Pembukaan Makkah), tetapi jihad dan niat. Dan apabila kamu dikerah untuk pergi berjuang, maka segeralah menyahutnya!"

Hadis ini menekankan bahawa tiada lagi hijrah selepas pembukaan Kota Mekah tetapi hijrah digantikan dengan dua perjuangan, yang pertama adalah **jihad** dan yang kedua adalah **niat**. Oleh itu, semua kaum wanita mestilah memahami maksud jihad dan niat supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan.

Perjuangan yang pertama adalah **jihad**. Peranan wanita semasa kaum muslimin berperang demi agama Islam adalah melengkapkan keperluan berperang dan merawat para pejuang Islam yang cedera. Rasulullah SAW ditanya oleh beberapa orang sahabatnya amal apakah yang paling baik?

Rasulullah SAW menjawab, "Jihad di jalan Allah SWT" Maka para wanita ketika itu meminta izin kepada Rasulullah SAW agar boleh ikut berjihad. Di antaranya iaitu yang dilakukan oleh Ummul Mukminin Aisyah RAH, isteri Nabi Muhammad SAW. Aisyah RAH berkata, "Aku meminta izin kepada Rasulullah SAW untuk berjihad." Lalu Rasulullah SAW bersabda, "Wahai kaum wanita, jihad kalian ialah menunaikan ibadah haji." (Hadis Riwayat Ahmad).

Ibnu Bathal mengatakan bahawa jihad bagi para wanita bukanlah suatu kewajipan. Perkara ini bukan bererti kaum wanita boleh ikut berperang. Hal ini kerana, apabila kaum wanita ikut berperang, maka akan berlaku perubahan pada dirinya. Di antaranya kewajipan kaum wanita untuk menutup aurat boleh jadi dalam peperangan akan terabai, di samping itu di dalam peperangan pasti akan berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan.

Aisyah RAH berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Hendaklah kalian melakukan kewajipan mengurus rumah tangga dan itulah jihad kalian, wahai kaum wanita." (Hadis Riwayat Ahmad). Aisyah RAH bertanya, "Wahai Rasulullah, bolehkah kami berjihad bersamamu?" Rasulullah SAW menjawab, "Tidak, jihad kalian ialah melaksanakan haji yang mabrur. Jika haji kalian mabrur, maka kalian akan beroleh imbalan jihad." (Hadis Riwayat Ahmad) .

Perjuangan yang kedua adalah **niat**. Istilah niat menurut Mazhab Syafie, adalah bertujuan akan sesuatu yang disertai dengan perbuatannya, maka tujuan yang tidak disertai dengan perbuatan adalah keazaman. Apa sahaja yang kita lakukan dalam hidup ini mestilah berpaksikan Allah SWT. Namun, syaitan akan memainkan peranan supaya setiap perbuatan kita tidak disertakan niat kerana Allah SWT. Hal ini boleh menyebabkan manusia sering jatuh ke lembah syirik. Dari sudut bahasa, syirik adalah kufur. Dari sudut istilah, syirik adalah menjadikan bagi Allah sekutu yang mana apabila berdoa kepadanya sebagai berdoa kepada Allah, atau dia melakukan

kepadanya satu jenis daripada jenis-jenis ibadah. Firman Allah SWT dalam **surah An-Nisa' ayat 48**:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

Syirik adalah dosa besar yang paling besar dan diharamkan dalam Islam. Selain itu, masyarakat kini suka melakukan sesuatu perkara demi mendapat pujian dan populariti. Sikap seperti ini dipanggil sebagai Takabbur dan ia terbahagi kepada 3 iaitu, riak (suka menunjuk), sum'ah (suka diberi pujian) dan ujub (sikap bangga diri). Sabda **Rasulullah SAW** diriwayatkan oleh **Sayyidina Umar RA**:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا امْرَأُ مَا نَوَىٰ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَىٰ مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Maksudnya: Daripada Umar bin al-Khattab, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya amal itu tidak lain hanyalah dengan niat dan sesungguhnya bagi setiap orang hanyalah apa yang dia niatkan. Maka barangsiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa yang berhijrah untuk dunia yang dia inginkan atau kerana seorang wanita yang ingin dia nikahi, maka hijrahnya adalah kepada apa yang dia berhijrah kerananya.

Melalui hadis ini, Rasulullah SAW mengingatkan, jika benar-benar mahu meneruskan hijrah Baginda SAW, umat Islam mestilah sentiasa perbetulkan niat kerana Allah SWT dan bukan kerana manusia dan sebagainya. Selain itu, untuk mewujudkan rasa perhambaan kepada Allah SWT juga dimulakan dengan menjaga niat. Oleh itu, niat memainkan peranan utama dalam membentuk hala tuju seorang mukmin.

Kesimpulannya, hijrah seorang wanita mestilah melibatkan 2 elemen ini iaitu jihad dan niat. Semoga pengisian ini bermanfaat buat semua kaum wanita dalam memperoleh syurga-Nya. TAMAT.